

07 OCT 2001

Syed Hamid-Surat

TENTANG KEGANASAN: DR MAHATHIR UTUS SURAT KEPADA BUSH JUMAAT LEPAS

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutus surat kepada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush pada Jumaat lepas untuk memberi pandangan beliau mengenai usaha menentang keganasan.

Surat itu dihantar atas permintaan Bush susulan daripada perhubungan telefon antara kedua-dua pemimpin itu baru-baru ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan dengan Bush pada sidang kemuncak foruk Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai pada 20-21 Okt ini.

Dalam perbualan telefon mereka pada 1 Okt lepas, Dr Mahathir dan Bush bersetuju untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu keganasan antarabangsa pada pertemuan di Shanghai kelak.

Dr Mahathir menyatakan hasratnya menulis surat kepada Presiden Amerika Syarikat itu bagi menerangkan pandangan beliau mengenai keganasan tetapi Bush mencadangkan Dr Mahathir menulis surat lebih awal supaya perkara itu dapat dibincangkan di APEC.

Syed Hamid berkata Malaysia juga dimaklumkan tentang laporan Washington mengenai siasatnya terhadap serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas.

Laporan rahsia Washington itu ditunjukkan kepadanya oleh Duta Besar Amerika Syarikat yang baru ke Malaysia Marie Huhtala dan seorang pegawai Kedutaan Amerika di sini pada Jumaat lepas, katanya kepada pemberita selepas melancarkan ekspedisi berakit Sungai Pahang anjuran MAYC di sini.

Ditanya mengenai pendirian Malaysia terhadap laporan siasatan AS itu, Syed Hamid berkata: "Kita anggap mereka tidak mengambil tindakan berasaskan kepada balas dendam, mereka ambil tindakan untuk menghapuskan keganasan dan kumpulan pengganas yang boleh membawa kemudaratan kepada mana-mana negara.

Laporan itu adalah yang sama seperti yang ditunjukkan kepada Britain dan Pakistan serta beberapa negara sahabat lain tetapi ia belum dapat disiarkan kerana tidak mahu menjejaskan siasatan yang masih dijalankan, katanya.

Menteri Luar itu berkata Amerika sedang membina maklumat untuk menunjukkan bahawa Osama bin Laden dan Kumpulan al-Qaeda, daripada kenyataan-kenyataan mereka dan daripada kejadian-kejadian yang telah berlaku, adalah dipercayai pihak yang telah melakukan serangan ke atas WTC dan Pentagon.

Mengenai permintaan AS melalui kedutaan dan pentadbirannya supaya Malaysia bekerjasama membekukan aset dan akaun kumpulan yang terlibat dengan keganasan itu, Syed Hamid berkata Malaysia akan bekerjasama selaras dengan undang-undang negara dan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Syed Hamid berkata Bank Negara telah mengeluarkan arahan membekukan akaun mereka yang mempunyai nama atau seakan nama dengan kumpulan terbabit yang terdapat dalam senarai yang diberikan oleh AS.

Syed Hamid juga berkata Malaysia akan menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Afghanistan dan berharap badan bukan kerajaan (NGOs) mengambil langkah untuk mengumpul sumbangan untuk disalurkan melalui PBB.

-- BERNAMA

AFY AFY NAK